

UJIAN BULANAN SESI AKADEMIK 1

MARKAH				
BAHAGIAN A	BAHAGIAN B	BAHAGIAN C	BAHAGIAN D	JUMLAH
10	10	10	20	50

Satu jam lima belas menit


Bahagian A
[10 markah]

Soalan 1 hingga 3

Pilih jawaban yang **paling sesuai**.

- I Adik tidak boleh menghabiskan buah limau itu kerana rasanya sangat _____.
- | | |
|---------|---------|
| A lidas | C masam |
| B lemau | D pedas |

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



- 2** Fadhil selalu memasang impian untuk _____ sebuah kolam renang yang besar di belakang rumah.
- | | |
|-------------------|---------------------|
| A membina | C mendirikan |
| B memasang | D membuatkan |
- 3** Rumah banglo itu _____ dilelong dengan harga yang amat rendah pada bulan hadapan.
- | | |
|----------------|-----------------|
| A akan | C pernah |
| B belum | D telah |

Soalan 4 dan 5

Pilih ayat yang **betul**.

- 4 **A** Encik Halim berbual mesra dengan Encik Tan yang baru berpindah dengan sebelah rumahnya.
B Program Hari Keluarga Taman Muhibah telah berlangsung dengan terang benderang.
C Nenek Fadhilah menitikkan air matanya semasa menonton drama di televisyen itu.
D Samy terasa gembira kerana keluarganya sentiasa bahagia.
- 5 **A** Kedai gunting rambut akan dibuka semula mulai bulan Julai ini.
B Baris juri amat menarik dengan bakat kumpulan nasyid itu.
C Siti menjemput seluruh rakannya di majlis sambutan ulang tahun kelahirannya.
D Murid sekolah itu terpaksa berjalan kaki sejauh 4 kilometer untuk sampai pada sekolah.

Soalan 6 hingga 8

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Kempen Keselamatan Jalan Raya anjuran Kelab Keselamatan Sekolah Kebangsaan Subang Jaya dengan kerjasama Jabatan Keselamatan Jalan Raya Negeri Selangor telah diadakan di Dewan Sekolah Kebangsaan Subang Jaya. Tujuan kempen ini diadakan adalah untuk mendidik murid-murid agar berdisiplin semasa di jalan raya.

Majlis pelancaran Kempen Keselamatan Jalan Raya ini telah dirasmikan oleh seorang pegawai polis. Semasa berucap untuk majlis perasmian, beliau menegaskan bahawa punca utama berlakunya kemalangan jalan raya disebabkan kecuai manusia. Oleh itu, beliau berharap agar kempen sedemikian dapat memberi pengajaran dan kesedaran kepada murid-murid tentang pentingnya menjaga keselamatan diri di jalan raya.

Pelbagai acara telah diadakan sepanjang kempen itu berlangsung. Antaranya termasuklah ceramah keselamatan ketika menaiki kenderaan seperti kereta dan motor, keselamatan ketika menunggang basikal, pameran, kuiz keselamatan, dan sebagainya. Ceramah keselamatan di jalan raya telah disampaikan oleh Encik Rozaimi, Pegawai Jabatan Keselamatan Jalan Raya. Dalam ceramah tersebut, murid-murid diberikan panduan keselamatan semasa di jalan raya. Pertandingan menunggang basikal turut diadakan agar murid-murid dapat memahami keselamatan berbasikal di jalan raya. Kempen yang berlangsung selama sehari ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pihak sekolah.

Kempen ini diakhiri dengan majlis penyampaian hadiah yang disempurnakan oleh Pengerusi Kelab Keselamatan Sekolah Kebangsaan Subang Jaya. Dalam ucapan penutup, beliau berharap agar murid-murid lebih prihatin terhadap keselamatan diri di jalan raya serta memanfaatkan pengetahuan yang diperoleh. Tambah beliau lagi, kempen ini sedikit banyak dapat meningkatkan pengetahuan murid-murid tentang keselamatan di jalan raya.

- 6 Kempen Keselamatan Jalan Raya ini dianjurkan untuk
- A mengajar murid-murid tentang langkah-langkah keselamatan di rumah dengan betul.
 - B mendorong murid-murid menunggang basikal dengan cara yang betul.
 - C melahirkan murid-murid yang berhati-hati semasa di jalan raya.
 - D mendidik murid-murid agar berdisiplin semasa di jalan raya.
- 7 Apakah faktor utama kemalangan jalan raya sering berlaku?
- A Sikap manusia yang cuai
 - B Keadaan jalan raya
 - C Kenderaan tidak berfungsi dengan baik
 - D Kurangnya pendidikan tentang keselamatan jalan raya
- 8 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
- A Keselamatan jalan raya merupakan tanggungjawab pihak anggota polis sahaja.
 - B Murid-murid diberi pendedahan tentang cara-cara menunggang motosikal dengan betul.
 - C Diharapkan murid-murid bersikap prihatin terhadap keselamatan diri di jalan raya.
 - D Kempen keselamatan Jalan Raya ini diadakan selama dua hari.

Soalan 9 dan 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Bahan 1

JOM TANGANI STRES

- » Bertenang
- » Beribadat
- » Meluahkan perasaan dengan orang yang rapat
- » Berurut
- » Berehat dan mendengar muzik
- » Beriadah
- » Bersenam
- » Berfikiran positif



*Sentiasa POSITIF,
Kehidupan juga akan POSITIF*

Bahan 2

Stres ialah satu tekanan yang dihadapi oleh individu disebabkan sesuatu peristiwa yang berlaku pada diri. Situasi ini berlaku disebabkan otak manusia menerima sesuatu di luar kemampuan atau kebiasaan seseorang. Tanda-tanda seseorang mengalami stres atau tekanan adalah seperti cepat letih, sakit kepala, bernafas secara tidak stabil, dan tekanan darah turut meningkat. Sekiranya tidak dikawal, ia akan menyebabkan seseorang itu mengalami masalah kemurungan, kegelisahan, dan berasa terancam.

Walaupun masalah ini agak remeh, namun boleh menjejaskan kesihatan seseorang. Menurut kajian yang dijalankan, seseorang murid memerlukan dorongan, bimbingan dan juga perhatian dalam masalah yang dihadapi oleh mereka. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan seseorang itu mengalami stres. Antaranya termasuklah seseorang murid yang akan menghadapi peperiksaan. Hal ini demikian kerana mereka terlalu risau tidak memperoleh keputusan yang baik serta mungkin menyebabkan ibu bapa mereka berasa kecewa terhadap mereka.

Selain itu, stres juga berpunca daripada masalah hubungan dengan rakan sebaya. Ada sesetengah murid sukar menyesuaikan diri dengan suasana dan persekitaran yang baharu setelah berpindah ke sekolah yang baharu.

Gejala stres boleh berlaku disebabkan masalah hubungan kekeluargaan. Sikap ibu bapa yang memilih kasih terhadap anak-anak juga akan menyumbang masalah stres pada anak-anak. Kesannya, mereka akan menjauhkan diri daripada bergaul mesra bersama ahli keluarga.

Masalah stres yang dihadapi oleh seseorang hendaklah ditangani secara berkesan. Jika masalah stres tidak dikawal, ia akan menimbulkan kesan buruk seperti kemurungan atau serangan jantung.

Hal ini demikian kerana mereka terlalu risau tidak memperoleh keputusan yang baik serta mungkin menyebabkan ibu bapa mereka berasa kecewa terhadap mereka.

- 9 Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah
- A biji.
 - B helai.
 - C orang.
 - D cubit.
- 10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas?
- A Masalah stres boleh ditangani dengan pelbagai cara seperti sentiasa berfikiran positif dan meluahkan perasaan pada orang yang rapat.
 - B Gejala stres memberikan kesan yang sangat baik kepada diri sendiri dan orang lain.
 - C Tiada punca yang akan menimbulkan gejala stres.
 - D Gejala stres ini adalah masalah yang tidak serius.

Bahagian B
[10 markah]

Soalan I

Baca dialog di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Ah Lim : Adakah kedatangan saya ini mengganggu kamu?

Rahim : Oh, tidak! Saya baru sahaja menyelesaikan kerja sekolah.

Ah Lim : Saya sudah membuat kerja sekolah selepas pulang dari sekolah tadi. Jika kerja sekolah tidak saya siapkan, ibu saya pasti tidak akan membenarkan saya ke rumah kamu ini. Oh ya, saya ke mari untuk mengajak kamu ke majlis rumah terbuka bersempena dengan Hari Deepavali. Majlis tersebut akan diadakan di Balai Raya Taman Impian Ehsan esok!

Rahim : Menarik juga. Dua bulan yang lalu, majlis rumah terbuka bersempena dengan Hari Raya Aidilfitri juga telah diadakan. Bagus juga majlis ini menjadi acara tahunan di kawasan kejiranan ini kerana kita dapat berkumpul dan beramah mesra. Program sebegini merupakan salah satu cara untuk memupuk perpaduan dalam kalangan penduduk di sini.

Ah Lim : Saya bersetuju dengan pendapat kamu, Rahim. Maksud rumah terbuka ialah perayaan sesuatu kaum akan turut disambut oleh kaum-kaum yang lain. Lagipun, tujuan majlis rumah terbuka disambut adalah untuk memupuk semangat persefahaman dalam kalangan penduduk Malaysia. Amalan kunjung-mengunjungi ketika merayakan Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baharu Cina, Deepavali, dan sebagainya dapat menjalinkan hubungan yang baik dalam kalangan penduduk yang berbilang kaum.

Rahim : Saya bersependapat dengan kamu. Semasa kita menghadiri rumah terbuka, kita dapat memahami dan mengenali adat resam setiap kaum dengan lebih mendalam. Dengan ini, sikap bertimbang rasa dan semangat menghormati dapat dipupuk dalam kalangan penduduk.

a) Maksud rumah terbuka ialah _____

(1 markah)

b) Apakah tujuan majlis rumah terbuka bersempena sambutan perayaan diadakan pada setiap tahun?

(2 markah)

- c) Gariskan **kata nama khas** yang terdapat dalam ayat diberi.

Majlis tersebut akan diadakan di Balai Raya Taman Impian Ehsan esok!
--

(1 markah)

- d) Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberi.

Jika kerja sekolah tidak saya siapkan, ibu saya pasti tidak akan membenarkan saya ke rumah kamu ini.

Tidak saya siapkan kerja sekolah jika tidak ibu saya akan membenarkan saya ke rumah kamu.	
Ibu saya pasti tidak akan benarkan saya ke rumah kamu jika saya tidak siapkan kerja sekolah.	

(1 markah)

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah.

Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawaban kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan.**

Kamu sedang berjalan menuju pulang ke rumah selepas habis waktu persekolahan. Tiba-tiba kamu terlihat seorang warga emas buta yang membawa banyak barangan plastik ditangannya dan ingin melintas jalan raya.

Sebagai seorang murid sekolah yang prihatin, apakah yang akan kamu lakukan?

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

(5 markah)


Bahagian C
[10 markah]

Gambar di bawah menunjukkan suasana di taman rekreasi.

Tulis pendapat kamu tentang **cara-cara menjaga kesihatan diri**.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam **satu perenggan**.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.




This image shows a full page of blank, lined paper. It features approximately 20 evenly spaced horizontal grey lines across its entire width, providing a template for writing or drawing. The margins are consistent on all sides.

(10 markah)

Bahagian D

[20 markah]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian tulis sebuah karangan dalam bentuk **karangan berformat** atau **karangan tidak berformat**. Panjangnya karangan kamu hendaklah **antara 50 hingga 80 patah perkataan**.



This image shows a full page of blank white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page, typical of notebook or legal stationery. There are no margins, text, or other markings present.

[illegible]

(20 markah)